

Penyembuhan Trauma *Zaman Kanak-Kanak*



YAYASAN
PENABUR

Penyembuhan Trauma Zaman Kanak-Kanak Konsep Adult Children Anonymous (ACA)

Tajuk	: Penyembuhan Trauma Zaman Kanak-Kanak
Penulis	: Dr Lee Bee Teik Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd


Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Penyembuhan Trauma Zaman Kanak-Kanak

Konsep Adult Children Anonymous (ACA)



Sifat kejatuhan akibat dosa kita telah menunjukkan gambaran mengenai Allah Pencipta yang pincang kepada anak-anak kita. Gambaran ini kemudian menjadi berhala di dalam fikiran kita dan mereka. Paulus berkata "semua orang sudah berdosa dan jauh daripada Allah yang menyelamatkan mereka" (Roma 3:23).

Kerosakan yang dilakukan oleh dosa ke atas personaliti kita akan diturunkan kepada generasi yang seterusnya melalui cara kita mengasuh dan membesarkan anak. Tanpa penyucian daripada Roh Kudus, kerosakan tersebut

2 Siri Kaunseling Pastoral

mungkin akan kekal lebih lama. Adalah dijangkakan bahawa, setiap generasi mempunyai bagasi emosi-mental-rohani tambahan untuk diturunkan. Namun demikian, dosa asal dan kutuk manusia telah dihapuskan sepenuhnya oleh Kristus sewaktu kematian-Nya di atas kayu salib untuk kita. Itulah sebabnya mengapa Yohanes berkata bahawa kita dicela dan disalahkan kerana walaupun Cahaya (kebenaran mengenai kasih kurnia Allah ke atas pelaku dosa seperti yang boleh dilihat di dalam Kristus) telah datang namun kita tetap memilih kegelapan (Yohanes 1:11; 3:16-21). Oleh itu, kita boleh menyimpulkan bahawa walaupun dosa telah dihapuskan sewaktu kita mempercayai Yesus Kristus, kesan dosa masih memerlukan satu proses untuk dihapuskan daripada tubuh kita, tubuh yang mewartakan personaliti kita.

Petikan dari kitab Keluaran (di awal pembukaan buku ini) merujuk kepada kerosakan yang terjadi ke atas sifat semula jadi manusia sebagai hasil daripada dosa lain ke atas kita. Bandingkan ia dengan petikan yang berikut:

"...Ibu bapa tidak boleh dihukum mati kerana kesalahan anak mereka. Anak-anak tidak boleh dihukum mati kerana kesalahan ibu bapa mereka. Setiap orang hendaklah dihukum mati kerana kesalahan yang dibuatnya sendiri sahaja."

(2 Raja-raja 14:6b)

Saya percaya petikan dari 2 Raja-raja ini merujuk kepada dosa-dosa yang khusus dan tanggungjawab kita terhadap setiap dosa yang kita lakukan, bukan kerosakan yang disebabkan oleh dosa sejangat (dosa asal).

"Ingatlah bahawa TUHAN, Allah kamu satu-satunya Allah, dan Dia setia. Dia akan menepati perjanjian-Nya dan sentiasa menunjukkan kasih-Nya kepada seribu generasi orang yang mengasihi Dia, dan yang taat kepada hukum-Nya."

(Ulangan 7:9)

Kasih menutupi selautan dosa. Kasih kurnia adalah lebih besar daripada hukum kerana Anak Allah memenuhi hukum Taurat bagi kita. Hanya Yesus Kristus yang mampu menjadikan kita kembali sebagai manusia normal di mata Allah. Adalah mustahil bagi kita untuk mendapatkannya melalui usaha sendiri (serupa dengan Kejadian 2 sebelum kejatuhan manusia, namun kita lebih matang kerana mentaati disiplin-disiplin Allah Bapa. Rujuk Ibrani 12:1-11.

Harapan Untuk Pemulihan

Pertama sekali, sebagai seorang Kristian, saya percaya bahawa Allah Bapa, Anak dan Roh Kudus hidup sebagai sebuah komuniti, dan Dia telah mereka dan menciptakan kita untuk hidup sedemikian rupa. Allah berfirman *"Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan menguasai semua ikan, burung, serta binatang lain: binatang jinak, dan binatang liar yang besar mahupun yang kecil"* (Kejadian 1:26).

Kedua, sebagai generasi ketiga keturunan Cina di Malaysia, saya membesar di dalam satu persekitaraan kekeluargaan sebumbung bersama dengan nenek, sanak

4 Siri Kaunseling Pastoral

saudara dan pekerja selama bertahun-tahun. Saya sangat menikmatinya. Sebagai sebuah keluarga yang besar, ahli keluarga dan rakan-rakan karib tinggal berdekatan untuk memberikan sokongan sesama sendiri. Akan tetapi, oleh kerana arus pemodenan, hidup sebumbung membawa kepada ketegangan dan tidak lagi membantu meringankan beban satu dan yang lain, melainkan keadaan mendesak (contohnya, keperluan untuk menjaga ahli keluarga yang kurang upaya).

Ketiga, semakin usia saya meningkat dalam sebuah keluarga kecil yang terdiri dari dua orang tua dan tiga orang anak, saya mula memahami kebijaksanaan Allah di dalam memberikan kita komuniti kekeluargaan yang besar, sama ada semula jadi, rohani mahupun rumah tangga.¹

Oleh itu, saya tergolong dalam kumpulan yang berharap agar kewujudan dan perilaku individualisma, faktor yang telah mendorong kepada kehancuran moral di dalam keluarga dan masyarakat Barat, akan berhenti daripada menjadi tegar. Daripada memilih apa yang baik dari gaya hidup Barat dan mengongsikan nilai komuniti orang Asia bersama mereka, sebilangan besar daripada kita memilih untuk mengikuti gaya hidup mereka yang sangat berunsurkan individualisma. Ramai yang kini menyedari bahawa “modenisasi” masyarakat bukanlah sesuatu yang selalunya baik.

Secara umumnya, keluarga Kristian muda yang berpendidikan barat memandang tinggi penulis-penulis dari dunia Barat sebagai teladan, bermula dari

pengasuhan anak sehinggalah kepada reka hiasan rumah. Ada segelintir yang telah menggabungkannya dengan amalan dan nilai-nilai tempatan. Tetapi bilangan mereka yang menggabungkannya dengan kepercayaan Kristian bulat-bulat tanpa pertimbangan juga adalah tinggi. Hidup kekeluargaan di Malaysia kini banyak dipengaruhi oleh masyarakat yang bergerak pantas. Sebagai contoh, untuk mendukung kejiranan, unit-unit kekeluargaan kian menjadi individualistik. Sedikit demi sedikit, kita mula menerimanya sebagai satu gaya hidup 'normal' untuk diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Saya menginginkan anak-anak kita melihat dari sudut pandangan yang berbeza. Saya berasa gembira kerana terdapat segelintir kumpulan di dalam masyarakat kita yang berusaha untuk mengekalkan dan mendirikan gaya hidup komuniti di kawasan kediaman dan pekerjaan.

Kita harus sentiasa berjaga-jaga kepada perubahan di dalam hidup dan persekitaran kita. Semuanya agar setiap perkara yang kita lakukan adalah bagi-Nya dan bukan kerana mengikuti arus zaman. Kita harus berfikir, berdoa dengan lebih tekun dan mendidik gereja kita di dalam jalan yang ditunjukkan-Nya kepada kita. Jalan-jalan ini adalah relevan kepada keperluan kita sebagai umat Kristian Asia di dalam Kristus dan kita akan mampu memuliakan nama-Nya.

Sebuah komuniti di dalam kebenaran dan kasih kurnia diperlukan untuk membawa pemulihan dan kesempurnaan di dalam semua hubungan manusia; di mata Allah Sang Pencipta, kesempurnaan itu bermaksud kekudusan di hadapan-Nya dan bukan sekadar hidup yang sihat di muka bumi.

Kemunculan *Adult Children Anonymous (ACA)*

(Penyelidikan Saintifik mengenai Pengalaman Manusia untuk Menemui Kebenaran Allah)

Pada tahun-tahun lapan puluhan, pekerja-pekerja sosial Amerika mengenal pasti bahawa terdapat semakin banyak keluarga yang leka dan mengabaikan untuk berbual, bermain, berdoa dan bekerja dengan satu sama lain.² Hasilnya adalah penyebaran bagi personaliti yang rosak. Tambahan lagi, mereka yang prihatin kepada masyarakat mendapati bahawa *ketagihan* yang dihadapi oleh orang (misalnya, alkohol) *bukanlah masalah individu-individu lagi*.

Sewaktu saya menemui buku Dennis Wholey, *Becoming Your Own Parents*,³ saya mendapati kandungannya membantu saya memahami latar belakang para penerima nasihat kaunseling yang lebih rumit. Buku tersebut menyentuh isu-isu yang dihadapi oleh golongan yang mengalami trauma zaman kanak-kanak akibat ditinggalkan mahupun didera oleh orang yang lebih tua (selalunya ibu bapa, ataupun guru, pastor dan sanak-saudara); mereka sendiri turut bergelut dengan tekanan, perasaan takut, obsesi, dan ketagihan mereka sendiri.

Pekerja sosial, ahli psikologi dan sosiologi menamakan golongan ini sebagai *Adult Children Anonymous (ACA)* ataupun *Adult Children of Childhood Abuse (ACCA)*. Secara harafiah, ACA membawa erti *Orang Dewasa Dengan Pengalaman Penderaan Zaman Kanak-Kanak*. ACA merangkumi golongan yang berbilang latar belakang dan

memiliki simptom seperti ketagihan alkohol, dadah, seks, keingin-sempurna yang melampau, dan sebagainya. Kebanyakan daripada mereka membesar atau menjadi dewasa dengan pantas kerana terpaksa memikul tanggungjawab orang dewasa pada usia yang terlalu awal; mereka turut dipengaruhi kuat oleh rakan sebaya yang datang daripada latar belakang yang serupa. Kanak-kanak yang yatim secara emosi ini menjadi generasi penerus yang telah dilukai.

Golongan yang serupa adalah kanak-kanak yang tidak menerima perhatian yang mencukupi daripada ibu bapa kerana kesibukan mereka (termasuklah sebab-sebab yang baik, seperti mencari nafkah kehidupan). Orang Asia di abad ke-21 harus berjaga-jaga dengan kecenderungan kita untuk menjadi terlalu sibuk dengan kerjaya, kereta, kad kredit, wang tunai dan kondominium sehinggakan anak-anak kita terbiarkan.

Di dalam terapi, ACA datang berkumpul bersama di dalam kumpulan-kumpulan kecil, menyerupai mereka yang datang berkumpul di dalam kumpulan-kumpulan terapi seperti Alcoholic Anonymous (kumpulan terapi bagi mereka yang mengalami masalah ketagihan alkohol). Mereka mempunyai tujuan yang sama iaitu ingin mendorong satu sama lain untuk keluar daripada ketagihan dan kelakuan yang mendesak, supaya mampu hidup dengan normal bersama keluarga.

Sekiranya anda melihat diri anda mempunyai simptom-simptom ACA, usah sedih dan takut. Ketahuilah bahawa Allah mampu mengubah individu-individu di dalam keluarga-Nya

melalui kuasa dan kasih kurnia-Nya yang membebaskan. Sebagai anak dan milik Allah yang dikasihi, harapan untuk perubahan sentiasa ada. Sukacita datang apabila kita mengetahui bahawa Dia sentiasa membawa kita di atas kepak sayap rajawali.

“Kamu telah melihat apa yang Aku lakukan kepada orang Mesir, dan bagaimana Aku membawa kamu kepada-Ku di tempat ini, seperti seekor burung helang yang membawa anaknya di atas sayapnya. Sekarang, jika kamu taat kepada-Ku dan setia kepada perjanjian-Ku, kamu akan menjadi umat-Ku sendiri. Seluruh bumi ini kepunyaan-Ku, tetapi kamu akan menjadi umat pilihan-Ku. Kamu akan menjadi umat yang ditahbiskan untuk diri-Ku sendiri, dan kamu akan mengabdikan diri kepada-Ku sebagai imam.”

(Keluaran 19:4-6)

Penyandar Ketergantungan

Penyandar ketergantungan adalah orang dewasa yang menjalankan perhubungan mereka dengan berpaut rapat dengan satu dan yang lain, malah enggan untuk melepaskan mereka untuk hidup sebagai seorang dewasa yang berdikari. Mereka memiliki obsesi dengan insan tertentu sehingga ke tahap hubungan jangka masa panjang yang tidak sihat. Obsesi ini mampu bertopengkan keprihatinan di antara satu dan yang lain. Perkara ini sangat lazim di kalangan ibu bapa yang gagal melepaskan anak mereka yang telah dewasa untuk menjalani hidup mereka sendiri (selalunya dilakukan tanpa

sengaja), ataupun kawan baik yang menjadi cemburu kepada jalinan persahabatan baru dengan kenalan baru. Perasaan takut ditinggalkan ini berakar di dalam pengalaman pahit zaman kanak-kanak (perasaan hiba yang belum sembuh, dibiarkan dan disisihkan oleh orang tua ketika perceraian atau perpisahan, ataupun hasil daripada pengguguran yang gagal mahupun penolakan-penolakan zaman kanak-kanak yang lain), sering menjadi penyebab akan kelakuan mendesak yang tidak sihat ini. Ada segelintir yang sembuh dan hidup dengan baik manakala yang lain adalah sebaliknya.

Melalui perbandingan, adanya corak keprihatinan yang sihat di dalam keluarga orang Asia. Sebagai contoh, di kebanyakan keluarga orang Asia, sekiranya seorang balu ditinggalkan dengan anak-anak untuk dibesarkan, ahli keluarga yang lain akan berdiri di samping mereka. Mereka gembira melihat anak-anak kecil membesar dengan sihat dan berdikari setelah dewasa nanti. Tidak ada perasaan untuk mengongkong. Mereka tahu bila untuk menangis dan bersuka bersama-sama, mereka juga tahu bagaimana untuk mengucapkan selamat tinggal dengan tenang dan penuh rasa syukur.

Persamaan-Persamaan Dalam ACA

Dennis Wholey mendapati bahawa ACA memiliki keyakinan dan nilai diri yang rendah. Mereka tidak mampu untuk berseronok, sama ada terlalu bertanggungjawab ataupun sebaliknya. Mereka juga turut memiliki personaliti ketergantungan dan takut akan ditinggalkan. Oleh kerana mereka tidak menerima kasih

10 Siri Kaunseling Pastoral

dan perlindungan yang mencukupi ketika di zaman kanak-kanak, mereka menghabiskan seumur hidup berusaha mencarinya. Mereka cenderung untuk bertindak ganas, terlalu menghakimi diri sendiri dan sering mencari pengesahan dan perlindungan daripada orang lain.

Tambahan lagi, dia mengatakan bahawa mereka tidak mengasihi diri sendiri kerana tidak merasakan diri dianggap istimewa di mata orang tua mereka. Ramai yang tidak mengenali identiti diri dan tujuan hidup. Mereka sering meneka apakah tingkah laku dan kelakuan normal di dalam semua perhubungan. Oleh itu, ramai yang terjebak di dalam hubungan yang tidak sihat.⁴

Mereka yang memiliki luka yang lebih dalam pula menghadapi simptom dan kelakuan gangguan stress pasca trauma. Selalunya, mereka berhadapan dengan stress jangka masa panjang di mana mereka akan mengalami kembali trauma emosi dan mental dahulu. Tindak balas yang penuh ketakutan ini tersemat jauh di dalam fikiran sehinggakan ia kembali ke permukaan dalam bentuk mimpi dan serangan panik. Perasaan lembut telah dibekukan di dalam fikiran. Sewaktu pemulihan, mereka sering mengalami rasa bersalah yang salah kerana merasakan tidak taat kepada keluarga mereka. Ia mengakibatkan kelakuan berasaskan perasaan malu dan keyakinan diri yang rendah.⁵ Akan tetapi, apabila ACA ini mengalami peningkatan tahap berfungsi, mereka akan mampu memimpin keluarga dengan lebih baik – dengan bantuan komuniti yang prihatin.

Oleh itu, terdapat ramai penyandar ketergantungan yang

melihat di luar diri mereka untuk memenuhi kekosongan yang ada di dalam diri mereka. Mereka menjalinkan hubungan kebergantungan keterlaluan dengan orang, tempat, benda mahupun kebiasaan. Di dalam konteks ini, kita harus sering memeriksa diri kerana kita tidak ingin menghadiri seminar dan kursus Kristian (ataupun membantu orang lain) untuk mendapatkan pengesahan dan penerimaan daripada komuniti gereja melainkan dihantar bagi latihan untuk pelayanan. (Satu cara untuk menilai motif “tumbesaran kita di dalam Kristus” adalah untuk memastikan kita menggunakan apa yang telah kita pelajari di dalam satu seminar sebelum kita mengikuti seminar yang seterusnya.)

Soalan-soalan untuk Penilaian Diri:

- 1 *“Mampukah saya melayani orang lain ataupun memberi kepada mereka tanpa mengharapkan sebarang pengesahan melainkan daripada Allah sahaja... pada kebanyakan masa?”*
- 2 *“Sekiranya tidak, adakah saya terlalu bergantung kepada orang lain untuk merasa baik akan diri sendiri?”*

Saya tidak tahu apa yang anda rasakan ketika membaca muka surat sebelum ini. Ketika saya pertama kali membaca mengenai ACA, saya menangis. Sebagai seorang Kristian yang tidak sempurna, datang daripada keluarga yang tidak sempurna, saya melihat diri saya di dalam sebahagian daripada deskripsi tersebut. Selain daripada itu, saya mula memahami mereka yang Tuhan telah bawa kepada saya. Saya mula memahami

bagaimana perasaan Yesus ketika Dia berada di bumi ini. Kita semua remuk dan hancur pунah di dalam diri kita. Namun, belas-kasihannya dinyatakan melalui identifikasi dengan kita. Dia menangis dengan mereka yang menangis.

Nota:

Sekiranya anda berfikir bahawa anda adalah seorang yang terlalu bergantung secara emosi, silalah rujuk kaunselor yang tidak bersifat ketergantungan. Pekerja Kristian juga tidak terkecuali daripada kelemahan menjadi penyandar ketergantungan sekiranya pelayanan Kristian mengambil tempat di dalam konteks kondusif bagi ketergantungan-ketergantungan sedemikian (Rujuk *Behold Your Pastor* yang ditulis oleh Dr Lee Bee Teik. Buku ini boleh didapati di www.reconre.org ataupun email kepada lbtreconre@hotmail.com).

Darjah Disfungsi

Tidak ada seorangpun yang mampu mengukur darjah kelakuan manusia. Berikut adalah penjelasan ringkas disfungsi keluarga dan anggaran darjah-darjah disfungsinya.

- 1** **Keluarga-keluarga yang mempunyai darjah disfungsi rendah** mempelajari bagaimana untuk mengekalkan kerukunan di dalam rumah walaupun anak-anak tidak menikmati perbualan terbuka bersama orang tua mereka. Contohnya apabila konflik tercetus di dalam keluarga, si ayah akan meninggalkan rumah. Si ibu kemudian akan berleter kepada anak-anak untuk melepaskan kegeraman. Keintiman suami-isteri

adalah sangat sedikit dan rendah. Ketenangan mungkin kekal selama beberapa hari/minggu/bulan sebelum pergaduhan yang seterusnya.

Banyak keluarga orang Asia yang hidup seperti ini. Anak-anak belajar untuk menyesuaikan diri sebelum meninggalkan rumah bagi menyambung pelajaran mereka ataupun bekerja. Saya mempunyai ramai kawan yang hanya menyedari zaman kanak-kanak mereka adalah tidak sihat sewaktu melihat hubungan ibu bapa dan anak-anak yang jauh lebih sihat. Perkara ini agak lazim di kalangan mereka yang ke luar negara untuk satu jangka masa yang panjang. Berada jauh daripada persekitaran keluarga dan negara sendiri, mereka mampu berdiri dan memandang latar belakang mereka dengan lebih objektif. Terdapat ramai yang menjadi matang; ada sebilangan yang menjadi lebih matang daripada rakan-rakan yang datang dari keluarga yang bahagia. Di kemudian hari, mereka mula menyedari yang mereka harus membantu ibu bapa untuk “mendewasa”. Golongan ini selalunya kembali untuk menjaga orang tua yang kian berumur. Segelintir pula menjadi marah dengan orang tua sehinggakan mereka langsung tidak diperdulikan lagi. Ramai yang tidak boleh mengatasi luka emosi diri sendiri.

2 Keluarga-keluarga yang mempunyai darjah disfungsi sederhana memiliki sedikit ataupun langsung tidak mempunyai masa untuk anak-anak. Mereka terperangkap dengan ketagihan dan ketergantungan bersama pasangan mereka. Anak-anak akan memastikan rakan-rakan mereka menziarahi mereka

kerana takut kelakuan ibu bapa akan memalukan mereka, contohnya mereka malu ibu atau bapa mereka akan bertindak garang, atau muntah-muntah disebabkan kemabukan alkohol manakala yang seorang lagi membersihkannya dengan senyap dan akur.

Selalunya, isteri akan bergantung kepada suami secara kewangan dan akan berusaha untuk mengekalkan ketenangan rumah tangga dengan sebaik mungkin. Dia berasa penat secara emosi dan tidak mampu untuk memenuhi keperluan emosi anak-anaknya. Di dalam masyarakat moden hari ini di mana wanita mampu melindungi diri sendiri dengan lebih baik, terdapat ramai yang meminta cerai setelah bertahun-tahun berada di dalam perkahwinan yang menyakitkan. Akan tetapi, kadang-kadang si isterilah yang merupakan pihak yang disfungsi di dalam perkahwinan mereka. Suami bagi isteri sedemikian selalunya mendapatkan ketenangan di dalam dakapan wanita yang lain, tanpa menyedari bahawa wanita tersebut juga adalah disfungsi! (Perkara ini adalah pemerhatian semata-mata dan bukanlah kesan-kesan yang tidak boleh dielakkan).

Ini sering terjadi kepada keluarga-keluarga kaya. Oleh kerana kedudukan yang dipegang, personaliti yang paling rosak (biasanya si suami) akan bergantung kepada isterinya untuk merahsiakan disfungsinya, contohnya ketagihan alkohol. Mereka biasanya mempunyai kebolehan untuk menutup kegagalan, sementara orang dari keluarga miskin akan berlawan bermati-matian sehingga di jalanan. Segeintir

daripada ACA yang datang dari keluarga sedemikian kekal dengan satu sama lain untuk tujuan perlindungan; manakala mereka yang tidak mampu bertahan akan kesakitan, perasaan takut ataupun derita silam yang membuak akan memilih untuk bercerai.

3 **Keluarga-keluarga yang mempunyai darjah disfungsi tinggi** berada di dalam huru-hara setiap masa. Dennis Wholey menyamakan mereka dengan keluarga yang sedang kebuluran. Di dalam keluarga sedemikian, ibu bapa akan memukul anak-anak secara tiba-tiba dan mereka sering bertelagah sesama sendiri. Mereka hanya berusaha untuk kekal hidup.

“Bapa, tidakkah Engkau mendengar tangisan dan melihat luka mereka?”



Dinamik Disfungsi

1. Faktor umum bagi semua ACA adalah KESAKITAN/KEPAHITAN. Sebagai kaunselor pastoral, kita harus membantu mereka untuk menerima diri sebagai lelaki dan wanita yang diciptakan menurut gambaran Bapa yang benar. Mereka harus berhadapan dengan masalah mereka dengan penuh keberanian dan maruah diri. Ketika mereka mencari kesembuhan, mereka akan menjumpai keselamatan sempurna di dalam Yesus Kristus.
2. ACA harus mengetahui bahawa hubungan mereka di zaman kanak-kanak yang terlalu bergantung TIDAK

akan mendatangkan sebarang hasil dalam zaman dewasa mereka. Sebagai contoh, sekiranya mereka terbiasa untuk berbohong kepada rakan-rakan untuk menutup cerita sedih di rumah, mereka mungkin akan terperangkap di dalam masalah besar dalam hubungan mereka dengan pasangan, rakan dan teman sekerja sekiranya mereka tetap berbohong. Mereka harus belajar untuk hidup di dalam kebenaran dengan berani.

3. Mereka juga harus memahami bahawa realiti rumah yang penuh boleh ditutup dengan kekayaan harta benda luaran. Untuk mencapai perubahan, mereka harus bergerak ke hadapan melampaui perlindungan sementara untuk bersemuka dengan kesakitan/kepedihan mereka.
4. Kanak-kanak harus dibenarkan **berdukacita** ke atas taruma, derita dan kehilangan zaman kanak-kanak mereka (kehilangan ibu bapa, gagal di sekolah, kematian haiwan peliharaan, dsbnya). Mereka harus **mengerjakan** (iaitu dengan memahami derita dan pengalaman daripada sudut pandang yang lain agar kesengsaraan tersebut dapat masuk akal) peringkat-peringkat perkembangan zaman kanak-kanak mereka yang menyakitkan. Sekiranya mereka tidak dapat memahami maksud derita dan kesakitan mereka, mereka akan mencuba tanpa sedar untuk mengerjakannya dengan pelbagai cara untuk kekal waras.

Jika mereka tidak mampu mengerjakannya secara postif, mereka harus **mengatakan dan berbincang**

dengan orang dewasa yang prihatin (misalnya guru sekolah, pemimpin persekutuan muda-mudi, rakan karib, kaunselor pastoral) dan menerima bantuan secepat mungkin. Ada yang berjaya; ada yang sebaliknya. Sekiranya mereka tidak berjaya (kerana tidak didorong untuk berbuat demikian) maka mereka akan sering **melakukannya** secara tidak sihat dalam bentuk fobia, ketagihan, desakan ataupun kelakuan melawan/menentang mereka yang berkuasa. Sebagai orang dewasa, mereka akan kelihatan seperti mencuba untuk mengejar urusan menyelesaikan rasa derita yang belum selesai tanpa kita sedari.⁶

Sekiranya mereka tidak menerima bantuan dari luar, anak-anak ini akan membesar secara tersisih daripada diri mereka yang sebenar dan juga matlamat Allah bagi hidup mereka. Mereka menjadi “diri yang palsu” ataupun “peribadi yang sangat kebergantungan”. Mereka memakai topeng dan hidup di dalam keadaan tanpa kegembiraan dan kebingungan yang kronik.

Mereka juga turut berhadapan dengan kepayahan di dalam perhubungan. Hidup mereka selalunya kurang berjaya. Ada segelintir yang akan beralih kepada kerja-kerja jenayah ataupun akan menghidap penyakit mental kerana meletakkan tuntutan yang keterlaluan ke atas diri sendiri dan orang lain. “*Di manakah hidup berkelimpahan yang Allah janjikan?*” tanya mereka.



Harapan Untuk Berubah: Penyembuhan dan Terapi

Lingatlah: kebanyakan ibu bapa selalunya tidak mempunyai niat untuk menyakiti anak-anak mereka!

Soalan 1. *Benarkah wujud sebuah harapan bagi perubahan dalaman yang akan mempengaruhi kelakuan luaran kita?*

Sebagai anak Tuhan yang dikasihi, kita tahu apabila kita melihat Yesus, kita akan dibebaskan sepenuhnya daripada derita, tangisan, sakit-penyakit, kepiluan dan kematian.

Soalan 2. *Tetapi sebelum perubahan tersebut terjadi, bolehkah kita mengalami ketenangan dan sukacita serta fikiran dan hati yang sihat?*

Saya pernah menganggap diri saya tidak mempunyai harapan, meskipun saya mengetahui bahawa Allah mampu mengubah saya. Saya berfikir yang saya telah menunggu terlalu lama agar corak fikiran saya berubah. Ketika saya mendekati pertengahan umur, Allah melakukannya! Haleluyah kepada Domba Allah. Kini saya boleh menyampaikan pesanan harapan-Nya dengan keyakinan. Dia mampu dan akan memulihkan mereka yang terperangkap di dalam derita sedemikian... tetapi sesuai dengan masa-Nya.⁷

Soalan 3. *Jadi, apakah tujuan kita di dalam membincangkan pemulihan ataupun terapi bagi ACA?*

Tujuan kita di dalam pelayanan kepada ACA adalah untuk menolong mereka untuk:

- ⊙ **Mengenali diri mereka** sama seperti Allah mengenali mereka (1 Korintus 13:11-12)
- ⊙ **Menerima dan mengasihi diri** mereka sama seperti Allah mengasihi dan menerima mereka (Roma 15:7)
- ⊙ **Menyerahkan diri mereka yang sebenar** kepada Allah (Roma 12:12)
- ⊙ **Kembali untuk mengasihi orang lain** tanpa syarat (Yohanes 13:34,35)
- ⊙ **Melayani mereka** demi Allah (Matius 25:40)

Di dalam bukunya *Love Yourself*,⁸ Walter Trobisch mencadangkan bahawa kita tidak boleh memberikan apa yang tidak kita miliki, yang turut menggemakan kata-kata Yesus mengenai memberi dan menerima (Matius 10:8). Kita hanya mampu memiliki benda yang nyata. Kita harus menerima diri kita seadanya, sebelum kita boleh memberikan diri kita kepada Allah dengan memberikan diri kita kepada orang lain di dunia ini. Ramai ACA yang memiliki kepayahan untuk menerima kasih daripada orang lain kerana takut dikecewakan sekali lagi... selalunya ia berpunca daripada keyakinan diri yang rendah. Mereka merasa tidak layak untuk disayangi. Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan sebentar tadi, ada segelintir yang memilih untuk ke ekstrim yang satu lagi dengan berpaut kepada orang lain secara berlebihan kerana takut akan kehilangan mereka.

ACA harus didorong untuk mempercayai orang lain supaya mereka menjadi diri mereka yang sebenar, tetapi tidak mencuba untuk bergantung atau memiliki insan lain untuk selama-lamanya.

Kaedah-Kaedah

Ada dua kaedah terapi bagi ACA:

1. Terapi satu-dengan-satu
2. Terapi dalam kumpulan

Kedua-dua kaedah tersebut adalah saling melengkapi. Ini adalah kerana bukan mudah untuk mengubah atau menghentikan kelakuan-kelakuan buruk yang tidak efektif. Fikiran harus diperbaharui dengan melihat, memeriksa dan memahami masa silam luka kita sambil mempelajari teladan daripada kesilapan dan berusaha melakukan perubahan. Untuk proses ini, para ACA memerlukan dorongan, kebertanggungjawaban dan kejayaan yang diraih bersama di dalam hubungan tulus di dalam masyarakat.

1. Penyembuhan Melalui Terapi Satu-Dengan-Satu

Secara profesional, ini dipanggil sebagai psikoterapi oleh para psikiatris dan ahli psikologi. Sekiranya ia digunakan oleh orang Kristian di dalam sesi yang berpusat di dalam hadirat Allah, kita boleh menganggapnya sebagai psikoterapi dan doa kaunseling Kristian. Kita berdoa kepada Allah kerana kita tahu semua pemberian sempurna datang daripada Tuhan.

Di dalam Kolose 3:1-17, Paulus menggesa kita untuk mengingati keadaan sebelum kita diselamatkan. Marilah kita menanggalkan ataupun mematikan dosa dan kesannya. Ini menunjukkan yang kita harus mengetahui apa yang kita harus kita hentikan atau matikan. Ini bermaksud kita harus spesifik tentang derita, ketagihan dan amarah kita.

Kita harus yakin bahawa Allah berada di pihak kita dalam aspek pemulihan ini sebagai satu simbol penyucian bait Allah dalam Yehezkiel 43:6-12.⁹ Kita harus yakin secara pasti bahawa Allah akan memulihkan kita.

Oleh itu, kaunseling pastoral bukanlah sebuah aktiviti sampingan bagi umat Allah. Ia adalah sebuah proses yang penting di dalam rancangan penyucian Allah.

Sedih sekali, kebanyakan seminari dan sekolah Alkitab di Asia tidak melatih calon-calon pastor untuk memberikan kaunseling kepada jemaat mereka secara pastoral.

Kita harus mengingatkan satu sama yang lain bahawa Allah ingin untuk tinggal bersama umat-Nya di dalam kemuliaan. Oleh itu, Dia mahu menyucikan kita dari dalam. Dia menginginkan kita untuk mengingati keadaan sebelum Dia memasuki hidup kita. Dia menghendaki kita untuk menjadi kudus sama seperti Diri Nya. Di dalam Yehezkiel 44:1-3, Dia menunjukkan bahawa apabila Dia berada di dalam bait suci-Nya yang telah dikuduskan, tidak ada sesiapaupun yang mampu/layak masuk kecuali Anak-Nya Yesus.¹⁰

Oleh kerana ini adalah keinginan Allah untuk bait suci-Nya, iaitu tubuh kita, sudah pastilah Dia akan bersama para ACA yang telah ditebus dan para kaunselor pastoral di dalam keinginan mereka untuk terus menjadi milik-Nya.

Para ACA harus belajar untuk mempercayai orang lain

untuk kali yang pertama dan seterusnya. Ini akan mengambil masa dan perhatian daripada mereka yang mengikuti jalan ini bersamanya. Sering sekali, setiap luka, rasa sakit, dosa dan peristiwa harus dikupas dengan lembut. Kemudian, dengan bantuan Roh Kudus, derita dan kehodohan setiap memori yang pahit akan dimatikan dan dikuburkan untuk selamanya di bawah salib Yesus.

Jika Iblis berusaha untuk menimbulkan semula memori pahit yang telah dipulihkan dan dimaafkan di dalam fikiran mereka yang telah menerima kaunseling, untuk mengakibatkan satu kitaran kejam fikiran dan perasaan negatif, kedua-dua kaunselor dan yang menerima kaunseling harus mencari kuasa Kristus untuk menolak pembohongannya di dalam nama Yesus Kristus [Lihat buku Siri Kaunseling Pastoral yang bertajuk **Pengampunan dan Perdamaian**. Rujuk juga buku Siri Kaunseling Pastoral yang bertajuk **Menanggalkan Cemar** untuk perincian yang lebih teliti mengenai proses kesembuhan].

2. Penyembuhan Melalui Terapi Berkumpulan

Langkah kedua ini sangat penting kerana:

- A** Kita harus mengelak ketergantungan yang berlebihan daripada pihak kaunselor pastoral kerana kemungkinan ACA akan menjadi terlalu terlekat kepada orang lain (sindrom ingin memiliki di mana seseorang menjadi terlalu bergantung kepada orang lain untuk perlindungan) meskipun dia sedang menuju kepada jalan pemulihan. Kaunselor pastoral harus memastikan bahawa ACA turut berhubung dengan

sebuah kumpulan kebertanggungjawaban (misalnya kelompok sel gereja ataupun rakan-rakan karib) secepat mungkin. Selepas itu, para ACA akan terus menyertai kumpulan tersebut untuk tiga hingga enam bulan berikutnya. Mereka juga akan memberikan laporan kepada kaunselor pastoral yang hanya melihat dan berdoa dari jarak jauh selepas peringkat awal terapi intensif. Sejurus selepas ACA mampu memikul tanggungjawab yang diberikan kepada mereka tanpa pengawasan jarak dekat, mereka kini sudah bersedia untuk dilepaskan daripada sesi kaunseling.

B Kita harus melepaskan ACA yang sudah mampu berdikari untuk menuju pemulihan bagi membantu orang lain. Ini adalah menurut perintah Yesus untuk menerima dan memberi agar mereka yang dibantu tidak akan mementingkan diri dan hanya mencari pemulihan diri semata-mata.

G Kita harus mendedahkan ACA yang sedang menuju ke arah pemulihan dengan idea, perhubungan, dan tekanan yang lebih luas agar pengalaman hidup yang normal dapat mereka pelajari di tengah-tengah komuniti yang prihatin. Kadang-kadang mereka perlu mempelajari semula bagaimana untuk bersosialisasi dengan kelakuan dan kata-kata yang boleh diterima umum.

Di dalam sebuah kumpulan (contohnya Kumpulan Sokongan atau Kumpulan Pemulihan), bersama-sama dengan orang lain yang mempunyai masalah serupa, ACA akan:

- Mempelajari kepentingan kepelbagaian jenis manusia di sekeliling mereka dahulu sewaktu dia melihat sekarang persamaan yang serupa di kalangan manusia yang punah. Ini bermaksud bukan sahaja dia akan mampu melihat ke belakang dan mempertimbangkan hubungan masa silam dengan orang yang telah melukakan dirinya, dia juga turut mampu mempertimbangkan kasih tidak bersyarat yang telah diterimanya daripada Allah melalui orang-orang di sekelilingnya.
- Dia harus menerima bahawa dirinya yang tidak sempurna juga telah melukakan orang lain dan hanya dengan kasih kurnia Allah dia mampu mengenali pengampunan dan kegembiraan yang sebenar. Hasilnya, dia tidak lagi bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan kegembiraan. Persahabatannya dengan Tuhan sudah cukup untuk memberikannya sukacita yang sejati di dalam Kristus.
- Mengenali perasaan tidak yakin pada diri sendiri dan rasa takut akan ditinggalkan.
- Memahami bahawa kelakuan lamanya itu adalah hasil daripada kurangnya harga diri.
- Mengenali kumpulan sebagai sebuah keluarga baru untuk menerima serta memberikan penerimaan dan kesetiaan.
- Belajar untuk memikul tanggungjawab bagi diri sendiri setiap hari dan tidak sentiasa memberi reaksi kepada sekatan, kesunyian dan derita zaman kanak-kanak.

- Bertanggungjawab ke atas kata-kata dan tindakannya sendiri serta tidak menyalahkan orang lain.



Ingatlah:

Pemulihan bermaksud tindakan untuk menyelesaikannya (satu demi satu, untuk kebaikan) kemudian mara ke dalam damai dan sukacita Kristus yang abadi. Ini bermaksud meninggalkan:

- i) Corak fikiran dan perasaan yang berasaskan rasa malu. Contohnya, "*Saya sungguh jahat; saya tak layak untuk mendapatkan yang lebih baik*" dan
- ii) Kelakuan buruk. Contohnya, "*Saya sudah biasa berbuat demikian!*"

Semua ini adalah sangat sukar untuk disingkirkan kerana si penuduh (iblis) adalah sangat tekun untuk mengusutkan godaan dan tuduhan-tuduhan palsu berulang kali kepada umat Allah (Wahyu 12:10).



AWAS!!!

Habuan bagi kebiasaan *buruk* adalah perasaan teruja tentang kehidupan dan merasakan dirinya terhubung dengan diri sendiri (dalaman) serta orang lain (luaran) melalui ketagihan, walaupun hanya untuk sementara waktu. Ia adalah perasaan yang sering dikira berbaloi bagi ACA yang tidak dibantu meskipun hukuman aib (siapa saya) dan rasa bersalah (apa yang aku lakukan) menimpa mereka.

Pemulihan adalah bertujuan untuk memulihkan penilaian

diri (keyakinan diri) yang sihat dan lebih tepat. Rasa takut yang asas adalah perasaan/emosi ditinggalkan oleh ibu bapa ataupun insan-insan penting di dalam hidup mereka. Tambahan lagi, rasa malu yang diwarisi daripada ibu bapa, sekiranya tidak dipulihkan akan diunjurkan kepada anak-anak kita.

Kes Contoh

1. Diana adalah seorang wanita Kristian di pertengahan 20-an. Dia membesar di pusat penjagaan sebuah keluarga yang kaya di Kuala Lumpur. Ada lima orang yang tinggal di dalam keluarga tersebut. Ibunya adalah seorang suri rumah, manakala ayahnya adalah seorang kelasi kapal, yang sering berada jauh dari rumah. Apabila ayahnya kembali ke rumah selang beberapa bulan, pertengkaran sering terjadi. Ayahnya juga seorang kaki perempuan yang suka berfoya-foya. Kewangan mereka sangat sempit. Diana dirujuk kepada seorang kaunselor pastoral setelah ditinggalkan sebanyak tiga kali oleh tiga orang lelaki Kristian yang matang. Sebelum bertemu dengannya, kaunselor tersebut berfikir Diana pasti memiliki sebuah persoalan yang janggal kerana sering dilayan sedemikian. Tetapi dia terkejut ketika disambut oleh seorang wanita yang mesra, cantik, sopan dan kelihatan jauh lebih muda daripada umurnya. Di dalam sesi kaunseling yang berikutnya, kaunselor tersebut mendapati bahawa Diana menilai dirinya seperti berikut: *“Rupa saya hodoh, buruk, cacat, tidak sempurna, tidak cukup baik... reput, tidak menyenangkan.”*

Tanpa disedari, corak fikiran tersebut telah membawa

dia kepada kesimpulan bahawa: “*Aku seorang yang jahat.*”

Syukur kerana selepas tiga hingga empat sesi (ditambah dengan kerjasama daripada pihaknya untuk melakukan tugas), Tuhan mengubah dia. Dia kembali mendapatkan keyakinan diri, dan bangkit di dalam sukacita sebagai alat Tuhan untuk membawa kesembuhan kepada gereja tempatannya!

2. Joseph adalah seorang mangsa cubaan pengguguran. Perkara tersebut berlaku disebabkan ketidakharmonian keluarga yang keterlaluan. Ibunya mencuba untuk menggugurkan dia kerana marah dengan ayahnya. Hasilnya, hidupnya sebagai orang dewasa meskipun berjaya, dipenuhi dengan perasaan takut yang mengancam. Dia tidak mampu meminta mereka yang bekerja di bawahnya untuk berhenti meskipun mereka telah melakukan kesalahan etika yang berat (terutaman sekali pekerja perempuan). Ini kerana tanpa disedari, keperluan akan kasih dan pengesahan daripada seorang ibu masih mengikat dirinya. Melalui doa, dia telah dipulihkan. Keluarganya kini hidup dengan penuh sukacita.
3. Ramai kanak-kanak yang terganggu kerana pergaduhan kedua ibu bapa yang amat dominan. Contohnya, ada segelintir yang datang daripada keluarga sedemikian berpindah keluar untuk mengelak daripada menjadi pendamai dalam rumah mereka, di mana kepedihan zaman kanak-kanak mungkin akan timbul semula untuk menghantui mereka.

Panggilan seorang kaunselor pastoral adalah untuk:

1. Untuk menyokong mereka yang cuba mendapatkan kaunseling ke jalan pemulihan.
2. Untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan mengetahui “kanak-kanak” yang ada di dalam mereka, dan berhadapan dengan realiti pergelutan serta derita masa silam.
3. Untuk mendorong mereka yang memerlukan kaunseling memaafkan insan yang telah menyakitkan mereka (bukan menunding jari dan asyik memikirkannya) serta untuk bangkit dan maju ke hadapan sebagai anak Allah yang telah diampuni. Mereka akan mekar di saat mereka mara bersama Bapa yang abadi, Tuhan dan Rakan yang berkata, “*Aku tidak akan meninggalkan ataupun membiarkan engkau!*”

Ini adalah sebuah perjalanan yang bermula dengan kepedihan dan menuju kepada sukacita apabila mereka menyedari bahawa kesakitan mampu pergi. Mereka kemudian bergerak kepada kebebasan sebagai ciptaan Kristus, dengan kekreatifan dan kemungkinan-kemungkinan yang baru, menikmati kemampuan untuk menerima dan memberi!

***Berhenti sejenak untuk mempertimbangkan
apa yang telah anda baca.***

***Jika anda perlu membaca semula beberapa bahagian
tertentu, silalah berbuat demikian.***

***Ingatlah untuk mendengar kepada Kaunselor kita,
Allah Yang Maha Agung.***

Refleksi

1. Adakah anda mampu mengidentifikasi diri dengan gaya hidup kekeluargaan yang normal sewaktu zaman kanak-kanak, keluarga anda masa kini atau hubungan anda dengan orang lain?
2. Adakah anda mampu mengidentifikasi diri dengan mana-mana darjah disfungsi di dalam keluarga anda sewaktu anda masih kecil, keluarga anda masa kini mahupun di dalam hubungan anda dengan orang lain?
3. Apakah yang akan anda lakukan dengan penemuan anda di 1 dan 2 di atas?
4. Gariskan sebuah jangka masa (contohnya, dibahagikan kepada setiap 10 tahun) bermula dengan kelahiran sehingga hari ini dan tuliskan peristiwa-peristiwa yang kelihatan penting bagi anda secara peribadi, keluarga, kerjaya dan pekerjaan anda. Tuliskan peristiwa-peristiwa yang signifikan dalam zaman kanak-kanak, masa remaja, 20-40 tahun, 40-60 tahun, 60 tahun ke atas.

Kemudian tanyalah diri anda akan lima soalan berikut:

- A) Apakah impian-impian anda?
 - B) Adakah impian-impian anda itu baik dan realistik?
 - C) Sudahkah impian-impian anda tercapai?
 - D) Jika tidak, siapakah yang menghancurkan impian tersebut?
 - E) Sekiranya impian anda telah hancur, adakah anda sanggup memaafkan insan yang bertanggungjawab sama seperti Allah telah mengampuni anda?
5. Adakah anda mengetahui maksud “bersedih sebagai orang salih yang membawa kepada pertaubatan”?
- A) Jika “Ya”, adakah pengalaman bersedih seperti itu satu peristiwa yang jarang atau kerap dalam pertemuan anda dengan Tuhan? Ceritakan.

- B) Bilakah kali terakhir anda mengalami rasa sedih sedemikian?
- C) Sekiranya “Tidak”, perlukah anda didoakan agar pengampunan dan penyucian-Nya akan mengalir untuk memulihkan anda di dalam hubungan yang benar bersama-Nya? (Mazmur 32)
6. Adakah anda akan teringat seseorang setiap kali anda berasa sedih ataupun berang?

Jika ya, rujuk buku Siri Kaunseling Pastoral yang bertajuk *Pengampunan dan Perdamaian* untuk membantu anda melepaskan pengampunan kepada mereka yang telah melukakan anda, sama seperti Kristus telah melepaskan pengampunan terhadap anda (Efesus 4:32).



Rujukan:

- 1 Lee Bee Teik, *Building A Love House is Hard Work* (Malaysian CARE, 1996), Bab 11
- 2 Daripada lirik lagu, “How Do You Build A Love House” yang ditulis dan dinyanyikan oleh Ken Medema, seorang ahli terapi musik Kristian dan aktivis sosial, yang tidak membenarkan kecacatan butanya menghalang pelayanannya, sebaliknya menggunakan bakat yang dia miliki untuk melayani ribuan orang di Amerika. Lagu-lagunya sering dicipta di lapangan, membawa kesedaran akan hadirat Tuhan kepada para pendengarnya. Bahkan pencipta lagu itu sendiri mendengarkan Tuhan.
- 3 Dennis Wholey, *Becoming Your Own Parents* (Doubleday, satu bahagian daripada Bantam, Doubleday Dell Publishing, 1988)
- 4 *Ibid*, mukasurat 21-22
- 5 *Ibid*, mukasurat 33
- 6 Donald Joy, *Unfinished Bussiness – How a Man Can Make Peace with His Past* (Victor Books, 1989)
- 7 Lee Bee Teik, *Deepening Joy* (SU/FES Publications 1993; Pustaka SU/FES 1994)
- 8 Walter Trobisch, *Love Yourself* (IVP, 1976)

- 9 Yehezkiel 43:6-12. Dalam petikan ini, Allah memberi arahan kepada Yehezkiel untuk mencatat dan memberitahu umat-Nya secara terperinci reka bentuk dan peraturan-peraturan bait suci-Nya. Ini adalah supaya mereka dapat tetap setia dalam menjaga kekudusan bait tempat tinggal-Nya yang telah dikuduskan oleh-Nya. Secara simbolik, Tuhan memberitahu gereja-Nya pada hari ini, bahawa apabila Roh Kudus telah tinggal di dalam kita, melalui perdamaian kita dengan Allah dengan perantaraan Anak-Nya, kita harus mengerti bagaimana Dia telah mereka-bentuk dan mencipta kita – tubuh, jiwa dan roh – supaya kita akan hidup dalam kekudusan bagi kemuliaan nama-Nya. Dia tidak mahu kita menjalankan kehidupan yang penuh cela di sebalik ‘tembok’ kita kerana Dia ada di sana dan Dia adalah kudus. Jadi, mereka yang mengaku mengasihi-Nya mestilah berhati-hati agar kemuliaan-Nya terjaga kerana Dia telah menjadikan kita duta-Nya di dunia. Tetapi siapakah yang dapat janji kita dapat kudus 100%? Tapi Dia membenarkan kita berdoa, “Ya Allah, ingatlah belas kasihan-Mu di dalam kemurkaan-Mu!” (Habakuk 3:2)
- 10 Yehezkiel 44:1-3. Pintu gerbang yang menghadap bahagian timur itu menghadap arah matahari terbit. Secara simbolik, ini boleh membawa erti bahawa apabila kita menyembah Allah yang satu dan benar itu, kita tidak boleh menyembah apa-apa pun yang lain, kerana mereka itu adalah objek ciptaan, bukan Allah.

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.